

# **Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara Dan Pengalaman Para Banduan Di Penjara Malaysia**

**Abdullah Yusof**

## **Abstract**

*The article aims to analyse the position of prison according to Islamic perspective. It discusses the concept of prison in Islam and then compares it with prisons in Malaysia. It is found that such activities conducted in Malaysia's prison are in disagreement with Islam.*

## **Pendahuluan**

Artikel ini bertujuan untuk mengemukakan konsep, dalil pensyariatan dan sejarah pelaksanaan hukuman penjara dalam Islam. Selain itu beberapa tinjauan telah dilakukan terhadap aktiviti para banduan dan tahanan di bawah institusi penjara di Malaysia. Skop perbincangan ini bagaimanapun tidak memasukkan banduan,

tahanan atau penghuni lain seperti tahanan polis, pusat serenti, pusat pemulihan dadah, Sekolah Henry Gurney, Sekolah Tunas Bakti (khusus untuk pesalah juvana), Taman Seri Puteri (pusat perlindungan wanita dan gadis), pesalah yang dibuang daerah, tahanan dalam rumah atau tahanan bawah pemerhatian. Para pesalah samada yang disabitkan serta dikenakan hukuman penjara oleh samada Mahkamah Persekutuan mahupun Mahkamah Negeri (Mahkamah Syariah dan Mahkamah Adat) adalah ditempatkan di penjara yang serupa yang dikelolakan oleh Jabatan Penjara Malaysia, sebuah institusi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Soalnya adakah sistem penjara, prosedur, aktiviti yang dijalankan dan peraturan yang dikuatkuasakan menepati kehendak sebuah penjara menurut perspektif Islam. Sekiranya pentadbiran mahkamah syariah dapat diasingkan dari mahkamah persekutuan (kecuali di Wilayah-wilayah Persekutuan), maka wajarkah pula sekiranya institusi penjara turut diasingkan. Penyediaan kertas ini bukan bertujuan untuk menyinggung mana-mana polisi yang diamalkan oleh Jabatan Penjara dan Kementerian Dalam Negeri, tetapi ia sekadar membuka ruang untuk memikirkan langkah terbaik bagi kepentingan banduan dan tahanan yang beragama Islam.

Barangkali penempatan pesalah yang disabitkan di mahkamah sivil tidak menjadi tandatanya atau keraguan apa-apa kerana mahkamah tersebut dianggap mahkamah sekular dan penjara yang sedia adapun dianggap sebagai penjara sekular kerana mewarisi konsep dan sistem yang diamalkan sejak zaman penjajah. Namun bagaimana pula halnya dengan pesalah yang disabitkan di mahkamah syariah yang dikatakan mentadbir undang-undang Islam dan menjalankan fungsi sebagai institusi kehakiman Islam? Wajarkah atau adilkah para pesalah dari mahkamah ini di tempatkan di penjara sekular yang barangkali dalam beberapa hal tidak memenuhi kriteria sebagai sebuah penjara Islam. Salah polisikah atau salah pelaksanaan sekiranya hal tersebut berlaku? Proses keadilan di dalam Islam bukan saja dinilai ke atas teks undang-undangnya dan seluruh prosiding di mahkamah, bahkan turut merangkumi proses penyiasatan, pendakwaan atau pertuduhan, pembelaan, penghakiman dan hukuman yang dikenakan (termasuk yang dikenakan hukuman penjara).

Sehubungan dengan itu kertas ini dikemukakan bagi memikirkan suatu gagasan dan formula betapa perlunya pihak berkuasa merancang dan melaksanakan institusi penjara menurut konsep Islam agar seajar dengan pertumbuhan dan perkembangan mahkamah syariah di negara ini yang sudahpun berusia beberapa dekad. Hasrat tersebut hanya akan menjadi realiti sekiranya ada komitmen yang tinggi dari pihak berkuasa sehingga beberapa akta berkaitan misalnya Akta Penjara Islam dapat digubal, diluluskan oleh parlimen dan seterusnya dikuatkuasakan. Sekiranya usaha tersebut sukar dijalankan maka langkah terdekat ialah menyemak, menilai dan mengubahsuai atau membuat beberapa pindaan terhadap akta yang

sedia terpakai. Langkah lain ialah memperkenalkan beberapa akta lain sebagai tambahan ke atas akta dan ordinan yang sedia ada. Ini bertujuan agar beberapa peraturan dan amalan di penjara dapat disesuaikan dengan kehendak Islam dan para banduan akan mendapat manfaat sebenar sesuai dengan tujuan hukuman tersebut menurut Islam.

Meskipun kajian mendapati terdapat beberapa aktiviti keislaman dijalankan secara berjadual, namun itu merupakan usaha sampingan bagi memenuhi keperluan peribadi penganut agama Islam, tanpa memiliki sebarang inspirasi atau komitmen untuk mengislamkan keseluruhan sistem dan institusi penjara di Malaysia. Pengalaman yang dialami dan terpaksa dilalui oleh para banduan muslim memperjelaskan isu ini secara jujur kerana sebahagian mereka tidak menerima layanan sepertimana yang dikehendaki dan dituntut oleh Islam sepenuhnya.

Berdasarkan kajian dan pengamatan terhadap beberapa aspek yang wujud di institusi penjara di Malaysia, didapati sebahagian besar perlu diberi perhatian atau dikaji semula kerana bercanggah dengan prinsip Islam biarpun sebahagiannya tidak perlu diubah. Artikel ini akan membincangkan kemungkinan konsep penjara Islam diterima dan dilaksanakan di institusi penjara di Malaysia atau sekurang-kurangnya merupakan alternatif bagi menempatkan pesalah dari mahkamah syariah.

Sejarah menunjukkan bahawa usaha menukar sebarang sistem sekular kepada Islam bukanlah sesuatu yang mudah berbanding mewujudkan institusi Islam itu sendiri dalam masyarakat. Institusi penjara bukan hanya khusus untuk orang-orang Islam kerana penghuninya terdiri dari pelbagai latar belakang agama, bangsa, etnik, budaya dan bahasa pertuturan. Justeru itu langkah mengimplementasikan konsep dan institusi penjara Islam memerlukan perbincangan, kajian dan perancangan yang teliti dari segenap sudut.

### **Pengertian Penjara: Konsep, Dalil Pensyariatan dan Sejarah Pelaksanaan Dalam Islam**

Penjara atau *prison*<sup>1</sup> merupakan tempat atau bangunan di mana penjenayah atau orang salah dikurung dalam suatu jagaan yang ketat seperti jel sebagai hukuman ke atas kesalahan yang disabitkan menerusi penguatkuasaan undang-undang. Dalam bahasa Arab penjara disebut *al-Habs* atau *al-Sijn* bererti tahanan atau kurungan.<sup>2</sup> Kamus *Sinonim* memberi maksud penjara sebagai lokap, bilik gelap, rumah tutupan, rumah pasung, tempat tahanan dan lain-lain.<sup>3</sup> Menurut Ibn Qayyim, penjara dari sudut syarak bukan semata-mata penahanan di tempat sempit, tetapi menghadkan batas kebebasan pergerakan seseorang pesalah samada di masjid maupun di rumah sepertimana pernah dilakukan pada zaman Rasulullah; sedangkan pada zaman ‘Umar, beliau membeli sebuah rumah kepunyaan Ṣafwān bin Umayyah bernilai

4,000 dirham untuk dijadikan tempat tahanan atau pemerjaraan.<sup>4</sup> Langkah membataskan pergerakan pesalah adalah langkah berjaga-jaga sahaja.<sup>5</sup> Tahanan sementara (*remand*) pula disebut *al-Habs al-Ihtiyāti*, yakni menahan pesalah yang belum disabitkan dengan kesalahan yang dilakukan; bukan merupakan suatu hukuman, tetapi sebagai tahanan sementara semasa tempoh penyiasatan dijalankan agar tertuduh tidak mlarikan diri.<sup>6</sup>

Umum mengetahui bahawa penjara adalah tempat khusus di segi undang-undang bagi menahan pesalah atau yang disyaki bersalah samada untuk tujuan penyiasatan mahupun perlaksanaan sesuatu hukum. Hukuman penjara di sisi Islam terletak di bawah hukuman ta'zir kerana tiada peruntukan jelas mengenai hukuman penjara samada berkaitan di bawah perlaksanaan hukum ḥudūd mahupun qisās.

Dalam pentadbiran Islam, hukuman penjara dikenakan kerana beberapa tujuan:  
*Pertama:* kerana pembalasan di atas kesalahan yang dilakukan demi mewujudkan keadilan kepada semua pihak.

*Kedua:* untuk tujuan pencegahan agar pesalah tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan atau bertujuan menakut-nakutkan masyarakat umum agar tidak melakukan kesalahan yang sama.

*Ketiga:* untuk tujuan pemulihan agar pesalah bersedia kembali secara normal ke dalam masyarakat<sup>7</sup> kerana dia dianggap pesakit yang memerlukan rawatan samada di segi mental mahupun fizikal, dan

*Keempat:* untuk tujuan soal siasat bagi mendapatkan bukti yang kukuh atau keterangan yang lengkap sebelum seseorang tertuduh atau tahanan itu didakwa dan disabitkan di mahkamah.<sup>8</sup>

Berhubung dalil pensyariatan, tidak ditemui dalil khusus tentang hukuman penjara, bahkan disebut secara umum di dalam al-Qur'an, sunnah dan ijmā' ulama'.<sup>9</sup> Satu-satunya nas yang boleh dijadikan sandaran ialah Firman Allah SWT (bermaksud):<sup>10</sup>

*"Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan kerosakan di muka bumi, hendaklah dibunuh atau disalib atau dipotong tangan mereka dengan berselang atau dibuang daerah."*

Ulama' berpendapat hukuman buang daerah dalam ayat di atas boleh disamakan dengan hukuman penjara ke atas orang yang memerangi Allah dan Rasul serta yang melakukan kerosakan di muka bumi. Ini disokong menerusi sebuah hadith Rasulullah s. 'a.w<sup>11</sup>maksudnya:

*"Sesungguhnya Nabi s. 'a.w telah menahan seorang lelaki atas*

*satu tuduhan selama sehari semalam bagi mendapatkan kenyataan  
dan sebagai langkah berjaga-jaga.”*

Dari segi sejarah perlaksanaan hukuman penjara, para sahabat dan tabi‘in bersetuju bahawa hukuman penjara (tahanan sementara) berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w dan zaman Abu Bakr r.a tanpa dikhususkan tempat tertentu<sup>12</sup> samada di masjid atau di rumah. Mereka akan ditahan untuk mengelakkan mereka mengulangi perbuatan yang sama sehingga benar-benar bertaubat.<sup>13</sup> Pada zaman Umar r.a, beliau memilih sebuah rumah untuk dijadikan tempat penahanan. Pada zaman ‘Ali r.a, beliau mula-mula mengasaskan pembinaan dua buah penjara yang dibina dari pelepas tamar dan dinamakan *Nafi’* serta *Makhis*<sup>14</sup> dan beliaulah yang mula-mula menyediakan makanan dan pakaian untuk para banduan baik pada musim panas maupun pada musim sejuk. Kebajikan dan kemudahan asas untuk banduan ini terus disediakan oleh para pemerintah selepasnya.<sup>15</sup> Beliau mengambil peruntukan dari *bayt al-māl* untuk menguruskan perbelanjaan sekiranya tahanan tersebut tidak mempunyai wang. Jika tidak segala perbelanjaan banduan semasa di penjara adalah di bawah tanggungannya sendiri. Pada zaman ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz, beliau memperkenalkan beberapa peraturan penjara termasuk:<sup>16</sup>

- a) Tangan banduan tidak boleh diikat kerana akan menyukarkan untuk melakukan ibadat atau untuk tidur.
- b) Pengawal mesti mencatatkan nama pesalah atau banduan yang berhak menerima sedekah setiap bulan.
- c) Pesalah dilarang keluar dari tempat tahanan untuk apa-apa tujuan termasuk untuk mencari nafkah atau meminta sedekah.
- d) Banduan yang dibebaskan akan diberikan pekerjaan atau wang perbelanjaan sebanyak 10 dirham sebagai modal untuk berdikari.

### **Bentuk dan Tempoh Hukuman Penjara Dalam Islam**

Dari segi amalan, terdapat dua bentuk hukuman penjara iaitu pemenjaraan terhad dan pemenjaraan tidak terhad;

- a) *Tahanan Terhad:* Hukuman ini dilaksanakan terutama dalam sabitan keskes ta‘zīr. Ada pendapat mengatakan kesalahan ta‘zīr tidak boleh ditentukan tempohnya kerana dibimbangi menyerupai hukuman ḥudūd. Bagaimanapun pemerintah berhak menentukan tempohnya berdasarkan jenis jenayah yang dilakukan<sup>17</sup> dan tidak pula ditentukan tempoh yang paling singkat. Begitu juga al-Zubayrī mengatakan tahanan reman boleh dikenakan selama satu bulan untuk tujuan penyiasatan dan boleh sehingga enam bulan untuk tujuan pemulihan.<sup>18</sup> Bagaimanapun tempoh ini tidak boleh melebihi satu tahun kerana ia dianggap menyamai hukuman buang daerah bagi kesalahan zina. Bagi kes

yang melibatkan harta, tempoh minimum ialah setengah bulan dan maksimum ialah empat bulan walaupun yang paling ideal ialah dua bulan.

b) *Tahanan Tidak Terhad*: Hukuman yang tidak ditentukan tempoh ini khusus bagi pesalah yang mengulangi kesalahan yang sama terutama kes-kes serius, berat dan merbahaya seperti membunuh, memukul dan mencuri. Dalam situasi ini pesalah boleh dipenjarakan sehingga dia benar-benar insaf dan bertaubat atau sehingga dia mati di dalam penjara.<sup>19</sup> Sebagai contoh, Rasulullah saw pernah menjatuhkan hukuman penjara sehingga mati ke atas seorang lelaki yang didapati mengurung seorang lelaki lain dan membunuhnya.<sup>20</sup> Jelas di sini bahawa seseorang hakim menurut budi bicaaranya boleh menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas penjenayah yang sangat merbahaya sebagai langkah pencegahan atau demi kemaslahatan masyarakat.<sup>21</sup> Sungguhpun jumhur fuqaha' bersepakat berhubung tempoh minimum selama satu hari, namun terdapat perselisihan tentang tempoh maksimum kerana ia berbentuk hukuman ta'zir. Justeru itulah Imām Mālik, Imām Ahmad dan Imām Abū Hanifah mahu tempoh tersebut ditentukan berdasarkan jenis dan tempat kesalahan itu dilakukan. Apa yang perlu diperhatikan oleh hakim ialah samada pesalah itu benar-benar insaf, pulih atau bertaubat dan diyakini tidak akan mengulangi kesalahan yang serupa. Kalau tidak ia hendaklah dipenjarakan sehingga mati.<sup>22</sup>

### **Jenis Kesalahan dan Cara Perlaksanaan Hukuman Penjara**

Seseorang yang disabitkan bersalah dalam kes-kes tertentu boleh dikenakan hukuman penjara walaupun terdapat beberapa perbezaan pendapat di kalangan fuqaha'. Jumhur fuqaha' tidak membataskan kesalahan-kesalahan tertentu, misalnya seseorang yang meninggalkan puasa Ramadān akan ditanah mengikut tempoh dia meninggalkan puasa.<sup>23</sup> Menurut Abū Yūsuf, seseorang muslim yang menjual dan membeli arak, meninggalkan solat atau mengambil riba boleh dikenakan hukuman penjara.<sup>24</sup> Perbuatan zina secara *syubhah* pada bulan Ramadān tidak boleh dikenakan hukuman *hudūd*, sebaliknya dikenakan hukuman ta'zir iaitu hukuman penjara. Begitu juga dikenakan ke atas pesalah liwat, sehingga dia benar-benar bertaubat.<sup>25</sup>

Di dalam kes *hudūd* misalnya mencuri; kesalahan pertama hendaklah dipotong tangan kanan dan kesalahan kedua dipotong tangan kiri. Menurut Abū Hanifah, kesalahan ketiga akan dikenakan hukuman penjara sehingga benar-benar bertaubat. Imām Ahmad bagaimanapun menghendaki kesalahan ketiga dipotong kaki kiri dan kesalahan keempat dipotong kaki kanan. Kesalahan kelima barulah dikenakan hukuman ta'zir iaitu dipenjarakan.<sup>26</sup>

Bagi kes saman pula, kalau sekadar menakut-nakutkan orang di jalanan, ia tidak dikenakan hukuman bunuh dan tidak juga dirampas hartanya, sebaliknya dihukum buang daerah; diletakkan jauh dari negeri atau bandar asal pesalah. Imām Mālik bagaimanapun menambah, dia hendaklah dipenjarakan di tempat dia dibuang daerah itu sehingga benar-benar bertaubat. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Abu Hanifah, Shāfi‘ī dan juga Imām Shurayh.<sup>27</sup>

Dari segi kaedah pelaksanaan, terdapat beberapa prinsip yang pernah diperkenalkan dan dipatuhi dalam sejarah pentadbiran Islam, terutama berhubung dengan keselesaan dan tiada penyiksaan. Seseorang tahanan atau banduan perlu diberi makanan dan pakaian yang sesuai mengikut musim atau cuaca di tempat dia ditahan. Tahanan tidak harus dibiarkan mati dalam kelaparan dan kesejukan selain diberikan hak untuk beribadat. Justeru itu tangan tidak boleh diikat atau digari kerana ini akan menyukarkannya untuk beribadat atau tidur, kecuali untuk kes-kes serius atau berat<sup>28</sup> atau dikhuatiri dia akan melarikan diri.

Sebahagian ulama’ bagaimanapun berpendapat, hakikat sebuah penjara ialah satu tempat yang tidak menyediakan kemudahan seperti katil atau selimut dan tidak juga dibenarkan keluar termasuk untuk mengerjakan solat Jumaat atau jemaah, menunaikan Haji, menziarahi jenazah, menyambut kedatangan Ramadān atau hari raya. Sekiranya mereka ditimpai sakit, rawatan hendaklah disediakan di dalam penjara.<sup>29</sup> Kalaulah tidak berbuat demikian, nescaya motif utama untuk menyekat kebebasan tahanan tidak tercapai, begitu juga usaha memberi pengajaran dan keinsafan akan gagal. Namun demikian, tahanan boleh dibenarkan keluar dari tempat tahanan untuk tujuan perbincangan dengan saudara-mara atau jiran bagi menyelesaikan masalah peribadi seperti hutang dengan syarat tempoh yang diberikan tidak lama.<sup>30</sup> Berhubung perbelanjaan, peruntukan dari *bayt al-māl* hanya boleh digunakan untuk keperluan pakaian dan makanan sekadar mencukupi sahaja.<sup>31</sup>

Dalam kes pelaksanaan, Ibn ‘Abidin menegaskan hukuman penjara hendaklah dijalankan secara sendirian dan tidak boleh digabungkan atau serentak dengan sebarang bentuk hukuman lain. Sekiranya hukuman sebat misalnya tidak boleh dijalankan ke atas seseorang pesalah, dia hendaklah ditahan selama satu hari.<sup>32</sup> Sungguhpun demikian, adakalanya seseorang hakim terpaksa menjatuhkan hukuman sebat dan penjara serentak demi mencapai matlamat pencegahan dan pengajaran dengan syarat salah satu hukuman itu tidak memadai.<sup>33</sup> Dalam hal ini, Imām Shāfi‘ī berpendapat hukuman serentak tidak boleh dikenakan kecuali hukuman kedua iaitu penjara boleh menyempurnakan hukuman pertama iaitu sebat.<sup>34</sup> Misalnya 1 / 4 dari hukuman berupa sebat dan 3 / 4 lagi adalah penjara.

## Institusi Penjara di Malaysia

Tidak dapat dikesan secara tepat tarikh sebenar kewujudan institusi penjara di negara ini, namun beberapa sumber dan catatan sejarah menunjukkan ia sudahpun dilaksanakan sejak pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka lagi. Hal ini terus berlangsung pada zaman penjajahan Portugis, Belanda, Siam dan kemudiannya Inggeris. Penjara sebelum Perang Dunia Ke-2 banyak ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat di bawah peraturan, undang-undang dan tanggungjawab negeri masing-masing. Inspektor Penjara ketika itu berpusat di Singapura. Selain penjara di Singapura, penjara di Pulau Pinang dan Melaka turut menerima pesalah dari India. Pesalah dari Melaka kemudiannya dipindahkan ke Singapura, manakala pesalah dari Bengkulin<sup>35</sup> dipindahkan ke Penjara Chowrusta Lines di Penang Road. Oleh kerana tempat tersebut tidak mampu menampung bilangan pesalah yang ramai, maka penjara baru dibina di Pulau Pinang pada tahun 1849.<sup>36</sup>

Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-1945), institusi penjara merupakan tempat yang paling ditakuti oleh orang ramai. Dalam tempoh tersebut banyak rekod mengenai penjara dan banduan telah hilang dan musnah.<sup>37</sup> Setelah Jepun berundur, satu pentadbiran telah ditubuhkan pada tahun 1946 dan seorang Pesuruhjaya Penjara telah dilantik oleh British untuk mengetuai pentadbiran semua penjara. Kebanyakan penjara ditubuhkan sebelum Malaya mencapai kemerdekaan dan cabaran atau kesukaran besar dihadapi oleh institusi ini ialah sewaktu darurat tahun 1948 yang hanya pulih apabila perisytiharan darurat tamat pada tahun 1960.<sup>38</sup> Setelah Malaysia dibentuk pada tahun 1963, Jabatan Penjara Malaysia diwujudkan. Kini kesemua 33 buah institusi penjara ditadbir di bawah Jabatan Penjara merangkumi penjara di Malaysia Barat, sebuah jabatan persekutuan di Kementerian Dalam Negeri.<sup>39</sup> Penjara di Malaysia terdiri dari beberapa jenis seperti penjara latihan pusat dan daerah, khemah penjara terbuka, penjara untuk tahanan istimewa, penjara untuk tahanan anak-anak muda, penjara wanita, kem tahanan politik dan Sekolah Henry Gurney. Pesalah atau banduan ditahan dan ditadbir menurut Ordinan Penjara (*Prisons Ordinance*) 1952 dan Peraturan Penjara 1953 berdasarkan peringkat dan hak-hak banduan.

Antara penjara yang terdapat di Malaysia ialah Penjara Alor Setar (b.1893), Penjara Sungai Petani (b.1920), Penjara Taiping, Penjara Sungai Buloh, Penjara Kajang (b.1975), Penjara Wanita Kajang (b.1984), Penjara Banda Hilir (b.1990 – asalnya Sek. Henry Gurney Ke-2 1964-1990), Penjara Johor Bahru (b.1883), Penjara Marang (b.1987), Penjara Pengkalan Chepa (b.1950), Penjara Pusat Kuching (b.1882), Penjara Sri Aman (b.1978), Penjara Sibu (b.1890), Penjara Miri (b.1980), Penjara Limbang (b.1954), Penjara Wanita Kota Kinabalu, Penjara Sandakan, Penjara Tawau (b.1964), Kem Tahanan Kemunting (untuk pesalah ISA,

*Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara dan Pengalaman Banduan Di Penjara OSA dan tahanan politik) dan Institusi Pemulihan Dadah Jelebu (b.1984 – untuk pesalah penagih dadah).*

## **Konsep, Bentuk Penjara dan Kategori Banduan**

Institusi penjara berbeza jika dibandingkan dengan institusi-institusi perkhidmatan awam yang lain. Perbezaan tersebut bukan sekadar dari sudut fizikal dan penampilan,<sup>40</sup> bahkan dari segi mekanisme atau jentera penggerak. Penjara terdiri dari tiga komponen; bangunan dan infrastruktur, sekumpulan pekerja atau kakitangan terlatih dan sekumpulan tahanan atau banduan yang dipaksa menjadi penghuni. Kewujudan ini berlandaskan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan. Tujuan utama penjara ialah menahan seseorang yang belum dijatuhkan hukuman, mahupun yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Mereka dipaksa masuk dan dihalang meninggalkan kawasan penjara oleh pengawal, tembok dan pagar penjara selain turut menjalani beberapa aktiviti termasuk program pemulihan sehingga mereka dibebaskan.

Tugas Jabatan Penjara pula ialah mempastikan tahanan atau banduan atau penghuni dikawal dengan perasaan penuh kemanusiaan dan membantu mereka menjalani kehidupan yang berfaedah sepanjang tempoh tahanan. Piagam Institusi Penjara Malaysia sendiri menjanjikan selain untuk menyediakan tempat kurungan yang selamat dan layanan yang berperikemanusiaan kepada banduan, juga mempastikan banduan menerima program pemulihan yang bersesuaian, memberi pertimbangan terhadap aduan/rayuan banduan, menyediakan panduan bagi tujuan perjumpaan dengan keluarga, tempat menunggu dan tempat perjumpaan yang selamat dan selesa.<sup>41</sup>

Peraturan Penjara 1953 mengklasifikasikan banduan kepada enam peringkat dan diperuntukkan beberapa hak iaitu:<sup>42</sup>

a) Banduan Peringkat Pertama

Tahanan ini menjalani hukuman selama 6 bulan ke bawah sehingga dibebaskan. Mereka dikehendaki memakai baju kolar putih, tidak memperolehi sebarang gaji atau upah, dibenarkan berjumpa saudara mara setiap 4 minggu sekali dan dibenarkan menerima atau mengutus surat setiap 4 minggu sekali.<sup>43</sup>

b) Banduan Peringkat Kedua

Tahanan ini menjalani hukuman selama 6 bulan ke atas dan memakai baju kolar merah, dibenarkan menyertai skim pendapatan dan dibenarkan menerima lawatan setiap 4 minggu sekali dan dibenarkan mengutus surat seminggu sekali.<sup>44</sup>

c) Banduan Peringkat Ketiga

Bagi banduan yang sudah menjalani hukuman 3 bulan di peringkat kedua dan selepas didapati berkelakuan baik, layak menyertai skim pendapatan dan mengikuti bengkel perusahaan dengan upah 30 sen sehari. Lawatan boleh diterima dalam tempoh 3 minggu sekali, mengutus surat seminggu sekali, dibenarkan menonton TV, mengikuti kelas, ceramah dan meminjam buku di perpustakaan penjara.<sup>45</sup>

d) Banduan Peringkat Keempat

Selepas berada 15 bulan di peringkat ketiga berdasarkan tingkahlaku yang baik serta membuat kerja-kerja bengkel. Banduan ditahan di peringkat ini selama 18 bulan dan berpakaian kolar biru, dibenarkan melakukan kerja-kerja berat dan ringan, layak menyertai skim pendapatan dengan upah 40 sen sehari, boleh mengutus surat setiap minggu, menerima lawatan setiap dua minggu, dibenarkan menonton TV, mengikuti ceramah, bengkel kraftangan, menyertai aktiviti waktu petang dan meminjam buku atau peralatan tertentu di penjara.<sup>46</sup>

e) Banduan Peringkat Khas

Selepas berada 18 bulan di peringkat keempat sehingga dibebaskan, dibenarkan melakukan sebarang kerja bengkel, menyertai skim pendapatan, memakai pakaian sut biru, dibenarkan berjumpa saudara mara dan mengutus surat seminggu sekali, dibenarkan menonton TV, pulang lewat sedikit ke bilik, tidak dikawal serta layak bekerja di luar penjara dengan kawalan.<sup>47</sup>

f) Tahanan Sementara (*remand*)

Tahanan ini tidak dibenarkan melakukan kerja selain mengemas bilik dan barang keperluan sendiri, boleh melakukan kerja dengan pilihan dan kerelaan sendiri, upah kerja hendaklah disimpan sehingga dibebaskan dengan syarat berkelakuan baik, diasingkan dari tahanan yang menjalani hukuman penjara, berhak membuat dan menerima tempahan barang keperluan seperti buku, surat khabar, pakaian dan makanan berdasarkan peruntukan yang ditetapkan, dikehendaki memakai pakaian sendiri sekiranya ada dan memilih penyediaan makanan sendiri berhak menikmati diet pemakanan sebagaimana untuk tahanan penjara. Tahanan sementara<sup>48</sup> atau sedang menunggu perbicaraan juga dibenarkan membuat pemeriksaan perubatan dengan doktor yang dipilih mengikut waktu yang sesuai. Walaupun Peraturan Penjara 1953 tidak menetapkan sebarang peruntukan berhubung *rementin* hukuman atau sistem pengelasan banduan, namun seseorang yang dituduh dengan kesalahan membunuh diletakkan di bawah pemerhatian ketat sepanjang masa dan

surat yang ditulis atau diterima hendaklah diperiksa dengan teliti oleh pegawai penjara.<sup>49</sup>

Sehubungan dengan itu setiap penghuni atau banduan yang ditahan di penjara mesti mematuhi peraturan yang disediakan dan setiap kesalahan tatatertib akan dikenakan hukuman. Terdapat 48 perkara berhubung kesalahan kecil dan 13 kesalahan besar sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan Penjara 1953 No. 42 selain terdapat hukuman ke atas mana-mana banduan yang melanggar tatatertib menurut Seksyen 55 (1) (2), Seksyen 56 dan 57 (1) (2) Ordinan Penjara 1952. Kertas ini tidak menyentuh berhubung tahanan yang sedang menunggu hukuman mati dan kaedah perlaksanaan hukuman mati dijalankan. Begitu juga berhubung hukuman gandingan seperti hukuman sebat dan perlaksanaannya.

### **Aktiviti dan Pengalaman Para Banduan**

Para banduan disediakan sajian mengikut menu berbeza setiap hari.<sup>50</sup> Kerja-kerja penyediaan makanan dilakukan sendiri oleh para banduan. Selain itu kemudahan yang lazim disediakan di penjara ialah aktiviti harian, latihan kemahiran, latihan mental dan kerohanian, program keagamaan, riadah dan lain-lain. Aktiviti awal pagi termasuk melaporkan bilangan banduan dan menyanyikan lagu Negaraku sebelum bersarapan. Sesudah itu mereka mula melakukan kerja masing-masing dan bagi banduan yang ditahan *remand* hanya mengikuti kelas kaunseling, ceramah agama dan rawatan pemulihan. Pada sebelah petang banduan *remand* akan dibenarkan berehat di sel masing-masing dan pada waktu malam juga diwajibkan berada di sel kecuali banduan yang akan dikenakan hukuman mati akan melakukan aktiviti riadah.

Selain itu, banduan dalam kategori keempat dan peringkat khas lazimnya dibenarkan menyertai skim pendapatan dengan melakukan kerja-kerja bengkel atau kerja-kerja di luar penjara dengan di bawah pengawasan. Antara kerja-kerja yang melibatkan penyertaan banduan ialah sektor pembersihan, pencucian, dan penyelenggaraan kawasan dan bangunan, perkebunan, bengkel kereta, cat-mengecat, lukisan mural, pertukangan dan kraftangan. Selain itu banduan yang memiliki kemahiran dan kepakaran tertentu dalam bidang pembinaan dilibatkan dalam kerja-kerja berkaitan seperti pengubahsuaian dan pembinaan penjara-penjara baru.

Antara penjara yang pernah menggunakan khidmat banduan dalam kerja pembersihan, penyelenggaraan dan pembinaan ialah Penjara Kajang, Institusi Pemulihan Dadah Jelebu, Penjara Bandar Hilir dan Penjara Marang. Selain itu hampir semua penjara menawarkan skim pendapatan kepada banduan berdasarkan kerja-kerja yang dilakukan samada di dalam kawasan penjara maupun di luar sementara menunggu tarikh pembebasan.

## Rawatan dan Latihan

Terdapat beberapa program rawatan secara berkala diatur oleh pihak penjara yang meliputi aspek-aspek berikut:

### a) Hubungan Sosial Komuniti Penjara

Aspek ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan sosial antara banduan dan pegawai, antara banduan dan banduan dan antara pegawai dan pegawai. Kajian bagaimanapun mendapati hubungan sosial dalam penjara adalah kaku, beku dan tidak neutral serta tidak selari dengan pola yang terdapat dalam masyarakat bebas di luar penjara. Adalah jelas bahawa pergaulan mereka amat terhad dan setiap perlakuan mereka sentiasa dicurigai oleh pegawai penjara. Ini terjadi kerana atas hubungan sosial komuniti sendiri tidak sesuai menjadi contoh kehidupan yang neutral, harmoni dan bebas, dan tidak sesekali dapat membentuk semangat masyarakat yang sihat dan *intimate culture*. Tepat juga dikatakan, institusi penjara tidak langsung memaafkan apa-apa pelanggaran undang-undang oleh banduan walaupun kecil; mereka sentiasa akan dihukum. Motif institusi untuk menukar sikap banduan kepada mematuhi undang-undang sukar dijangkakan kerana undang-undang sedia ada dianggap *rigid* dan keras serta tidak pula memberi galakan kepada banduan berfikir untuk mengubah sikap mereka secara sukarela.<sup>51</sup>

### b) Aspek Latihan Kemahiran

Sebilangan banduan dijangka mendapat manfaat besar dari latihan kemahiran kerana ia akan memberi harta atau aset penting bagi kehidupan mereka di luar penjara kelak terutama dalam usaha mencari rezeki yang halal. Jangkaan kerapkali tidak menemui sasaran kerana faktor-faktor di luar ada ketikanya tidak memberi sebarang *advantage* kepada mereka; termasuk status yang mereka miliki, masalah modal atau kewangan serta peluang untuk menceburι bidang-bidang berkaitan kemahiran yang dimiliki. Justeru itu atas nama desakan, mereka kerap terperangkap dan mengulangi kesilapan sama sepertimana sewaktu didapati bersalah dahulu. Meskipun banduan diberikan habuan atas kerja-kerja mereka semasa dalam tahanan atau di bengkel-bengkel, namun ganjaran yang diperolehi terlalu rendah berbanding usaha sebenar mereka. Di samping jiwa sentiasa memberontak dan mendendami, setiap program keinsafan seolah-olah tidak memberi sebarang makna. Ganjaran yang wajar dan berpatutan barangkali boleh merubah tanggapan bahawa mereka tidak dihargai walau serajin mana atau segigih mana usaha atau kerja mereka. Tentu sukar menolak tanggapan awam bahawa ada pihak yang mengambil kesempatan untuk memanipulasikan tenaga para banduan demi keuntungan yang berlipat ganda oleh firma atau institusi di luar.

**c) Aspek Latihan Mental dan Kerohanian**

Kajian mendapati sekitar 95% banduan mempunyai taraf pendidikan sekolah rendah. Hal ini tidak lagi dianggap lumrah meskipun bilangan sebenar yang mendapat pendidikan menengah ke atas sebaliknya jauh lebih tinggi. Terdapat beberapa hipotesis dibuat; pertama orang yang berpendidikan menengah dan tinggi lazimnya mempunyai pekerjaan dan kehidupan yang lebih terjamin dan kedua, mereka dalam golongan tersebut mempunyai lebih daya kebolehnilaian terutama berhubung perkara baik dan kecenderungan untuk tidak melanggar undang-undang, sebaliknya golongan berpendidikan rendah atau langsung tidak berpendidikan jarang memiliki inisiatif-inisiatif tersebut. Hasilnya peratusan golongan ini yang terjebak dalam perlakuan *deviance* adalah tinggi.<sup>52</sup> Sehubungan dengan itu sebarang program berbentuk pendidikan secara formal, terutama bertujuan mengubah mentaliti dan spiritual mereka akan menghadapi kesukaran, apakah lagi apabila program tersebut tidak bertaraf wajib untuk dihadiri, kecualiah modul program itu boleh membantu kehidupan ekonomi<sup>53</sup> mereka selepas keluar dari penjara.

**d) Aspek Pembentukan Moral dan Harga Diri**

Pengalaman yang sering didedahkan oleh para banduan menandakan terdapat kelemahan dalam program pembentukan nilai moral penghuni penjara. Ciri-ciri keruntuhan ini amat ketara pada waktu rehat iaitu sekitar 1.00 tengahari di mana banduan dikurung dalam bilik atau sel masing-masing. Penderaan mental dan penderitaan jiwa mendorong mereka melakukan *home-sexuality* dan *masturbation* secara rahsia oleh ramai banduan sebagai satu cara memuaskan nafsu secara aneh. Pelaku yang ditangkap akan menerima hukuman serta merta. Pada waktu mandi samada pagi mahupun petang, para banduan lelaki akan mandi beramai-ramai di tepi dua buah takungan air yang besar secara berbogel dan mereka sentiasa diawasi oleh pegawai penjara atau warder. Anehnya situasi tersebut adalah lazim, dibiarkan dan tidak dilarang samasekali atas alasan memberi kebebasan. Kebebasan ini dilihat sebagai tidak peka terhadap maruah, keperibadian dan kemuliaan diri yang sepatutnya diberi perhatian<sup>54</sup> terutama terhadap penghuni yang bakal kembali ke dalam masyarakat kelak. Sebahagian situasi yang dapat dilihat ialah keadaan mencangkung di tepi longkang atau duduk di atas simen sewaktu makan atau perbuatan pegawai-pegawai sering mengetuk kepala banduan ternyata tidak mampu membentuk moral yang baik di kalangan banduan, bahkan keadaan menjadi sebaliknya. Jarang banduan mengakui kesalahan yang pernah dilakukan sehingga mengheret mereka ke penjara berpunca dari mereka sendiri, bahkan mengaitkan perlakuan *deviance* dengan situasi atau nasib atau kerana faktor-faktor tertentu; diancam, dianiaya, dipaksa atau terpaksa yang akhirnya perlakuan mereka terpaksa ditebus dengan merengkuk ke dalam penjara.<sup>55</sup>

### e) Program Berbentuk Keagamaan

Satu-satunya program keagamaan yang diberi penekanan ialah program fardu ain yang juga mengendalikan kelas-kelas pengajian fiqh, akhlak, tasawuf, sirah, tafsir, hadith dan al-Qur'an. Namun demikian teknik pembelajaran tidak mengikuti teknik pengajaran moden dan terkini. Kebiasaan yang popular ialah kaedah pandang dan dengar. Peralatan dan alatulis sukar disediakan kerana para banduan sering menyalahgunakan kemudahan tersebut. Sebuah penjara diperuntukkan seorang guru secara tetap dan ada yang didatangkan dari luar seperti Pusat Islam dan biasanya mereka diberi elauan tertentu. Mereka mungkin berpengalaman, namun metodologi yang digunakan sering bersifat tradisional dan ini kurang menarik perhatian dan penumpuan banduan, apatah lagi terdapat banduan dari kalangan profesional atau memiliki kelulusan tinggi dalam bidang agama. Tiada pengasingan kelas dilakukan dan tiada kelompok tertentu dibuat manakala kelas biasanya dijalankan pada waktu pagi selama tiga hari seminggu. Selain itu terdapat badan atau pertubuhan Islam tertentu menyumbang tenaga dan memberi khidmat sukarela bagi kebajikan para banduan.

Kajian dan tinjauan mendapati program keagamaan tidak memberi kesan dan hal ini agak menghampaskan. Ini dapat dilihat dari segi kehadiran dan tumpuan yang diberikan. Pihak institusi juga tidak mewajibkan kehadiran, di samping dihadkan bilangan banduan yang boleh menghadiri kelas pada satu-satu masa. Antara masalah yang patut diberi perhatian oleh pihak institusi penjara bagi memperbaiki program ini ialah menyediakan tenaga pengajar, penceramah atau pembimbing (fasilitator) yang terlatih dan mencukupi, memperbaiki metodologi pengajaran, mengatasi masalah komunikasi (pembimbing sepatutnya menguasai beberapa bahasa antarabangsa), menyusun modul secara sistematik (berdasarkan kategori banduan, tempoh hukuman dan taraf pendidikan agama) dan mempertingkatkan kemudahan logistik. Kursus dan program keagamaan hanya ditumpukan kepada banduan, sedangkan ia sepatutnya merangkumi para pegawai dan kakitangan penjara agar dapat mewujudkan suasana sosial dan keagamaan yang baik. Natijahnya para pegawai dan warden hanya meneruskan tradisi yang diwarisi sehingga mereka bersara dan situasi yang sama diteruskan oleh kakitangan baru.

### Kesimpulan

Dapat difahami bahawa objektif Institusi Penjara di Malaysia tidak bercanggah sepenuhnya dengan falsafah hukuman penjara dalam Islam. Pengelasan banduan kepada enam kategori misalnya dilihat kepada usaha pemodenan dan keperluan semasa berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan. Penghuni penjara terdiri dari pelbagai latar belakang bangsa, negara, etnik, budaya, anutan agama dan adat resam. Justeru itu setiap aktiviti khususnya program pemulihan perlu mengambilkira

sumbangan mereka nanti apabila kembali ke dalam masyarakat. Banduan warganegara Malaysia misalnya perlu program khusus berbanding rakan banduan mereka dari kalangan warganegara asing. Pesalah imigresen, pesalah nelayan asing yang memasuki perairan negara atau warga asing yang menceroboh masuk ke dalam negara tanpa dokumen sah perlu mengikuti program yang berasingan.

Dari segi pemulihan, motif utama ialah supaya banduan insaf dan sedar serta dapat kembali kepada masyarakat dengan semangat, azam dan kesedaran yang tinggi di samping tidak mengulangi kesilapan dahulu. Mereka diharap dapat membuktikan taat setia yang jitu terhadap negara dan sama-sama dapat menyumbang tenaga dan idea ke arah pembangunan negara dan masyarakat. Soalnya, dapatkah hal ini dilakukan ke atas banduan warga asing?

Barangkali penetapan tempoh pemenjaraan dilihat bercanggah dengan konsep ijтиhad di dalam undang-undang Islam. Namun demikian, bukan institusi penjara yang menetapkan tempoh, bahkan mahkamah menerusi peruntukan undang-undang. Islam dari segi prinsipnya boleh menerima taubat seseorang tahanan sebelum dibebaskan, namun dapatkah taubat seseorang itu diukur atau ditentukan hanya sekadar melihat penampilan lahiriah semata-mata atau laporan berkelakuan baik oleh pengawai penjara sehingga membolehkah banduan dibebaskan lebih awal. Begitu juga cara hukuman mati dijalankan atau kaedah hukuman sebat dilaksanakan masih tidak benar-benar mengikut prinsip Islam. Bukan saja tentang saiz dan jenis alat yang digunakan, bahkan tempat dan masa hukuman dijalankan. Orang ramai masih tidak mendapat pengajaran dan kesedaran dari perlaksanaan hukuman-hukuman tersebut, sedangkan Islam meletakkan pengajaran sebagai salah satu tujuan hukuman dilaksanakan, baik hukuman ta'zir mahupun hudūd atau qisās.

Tahanan sementara juga tidak boleh disamakan atau dilayan sama dengan banduan lain. Mereka perlu diasingkan dan tidak adil menganggap mereka sebagai pesalah sehinggalah dibuktikan dan dihukum oleh mahkamah. Begitu juga pesalah yang sedang menunggu rayuan masih tidak boleh dianggap bersalah. Demikian juga pesalah yang ditahan berdasarkan akta tertentu tanpa perbicaraan atau tanpa dapat mempertahankan diri adalah jelas bertentangan dengan prinsip syariah Islam.

Laporan media tempatan dan prosiding penghakiman di mahkamah sering mendedahkan terdapat sesi kaunseling, *brainstorming* dan proses *turn-over* ke atas banduan di tempat tahanan tertentu khususnya ke atas para tahanan tanpa perbicaraan seperti di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan juga tahanan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA). Mereka dilaporkan bukan saja sering didera di segi fizikal, bahkan di segi mental oleh lazimnya bukan pegawai penjara, bahkan pegawai tertentu yang dihantar oleh Kementerian Dalam Negeri.<sup>56</sup> Walaupun ada kewajaran tertentu tindakan demikian dilakukan, namun prinsip Is-

lam sepatutnya tidak diabaikan dalam melakukan sebarang program pemulihan ke atas tahanan.

Walaupun para pegawai penjara bertindak dan menjalankan tugas berdasarkan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan, namun usaha-usaha pemantauan perlu dilakukan oleh sebuah badan tertentu atau suruhanjaya tertentu perlu dilantik atau ditubuhkan bagi memastikan peranan pegawai penjara tidak melampaui bidang tugas dan kuasa yang diberikan oleh undang-undang. Kecuali satu dua kes tatatertib diambil ke atas pegawai penjara, terutama atas kesalahan bersubahat menyeludup barang-barang terlarang dan keperluan tertentu kepada banduan, masyarakat umum hampir tidak menyedari tindakan melampaui batas kemanusiaan yang berlaku dalam institusi tersebut. Meskipun banyak pendedahan salahlaku pegawai penjara dilaporkan oleh bekas banduan, namun mereka tidak mempunyai bukti yang kukuh dan tiada siapa sudi tampil di mahkamah sebagai saksi.

Selain diterapkan dengan kaedah menjalankan tugas secara profesional, para pegawai penjara perlu diberi pendedahan kerohanian dan keagamaan yang berterusan agar mereka sentiasa memberi layanan terbaik kepada banduan di samping memiliki nilai kemanusiaan dan toleransi yang tinggi. Tahanan yang keluar dari penjara bukan sahaja akan dikenali sebagai bekas banduan, bahkan sebagai graduan penjara bermutu tinggi. Dengan itu hasrat kerajaan mewujudkan institusi penjara di Malaysia sebagai terbaik di dunia bukan lagi igauan semata-mata; dengan syarat semua pihak perlu memberi sokongan ke arah mewujudkan institusi penjara berkonsepkan Islam.

## Nota Hujung

1. Lihat Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, DBP, K.L. 1970; lihat juga *Kamus DwiBahasa*, DBP, K.L., 1989, hlm. 956; ER Heady Ivamury, *Law Dictionary*, Mozly and Hwiteley's, London, 1985; Hendry Campbell Black, *Black's Law Dictionary*, SJ Paul Minn, West Publishing Co., 1990.
2. Lihat Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, al-Taba‘ah al-Nasyr, Beirut, t.t., Jil. 17, hlm. 65; lihat juga Élias E. Elias, *al-Qāmus Elias al-‘Asrī*, Beirut, t.t.
3. Hj. Zainal Abidin, et. al., *Kamus Sinonim*, Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 1984, hlm. 660.
4. Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abī Bakr, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Islāmiyyah*, al-Mu’assasah al-‘Arabiyyah, Qāhirah, 1961, hlm. 101.
5. *Ibid*, hlm. 102.
6. Ahmad Fathī Bahnasi, ‘*Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Dār al-Raid, Beirut, 1970, cet. ke-3, hlm. 204.
7. Lihat ulasan ‘Abd al-‘Azīz Amīr, *al-Tafsīr fī al-Syārī‘ah al-Islāmiyyah*, Qāhirah, 1957, hlm. 318.
8. Menurut hadith, Rasulullah menahan menahan seorang lelaki selama satu hari satu malam, kemudian dibebaskan. Lihat al-Naysābūrī, ‘Abd Allāh al-Hākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Sahīhayn fī al-Hadīth*, Dār al-‘Arūbah, Beirut, 1978, hlm. 314.
9. Lihat *Tabyīn al-Haqā’iq Sharḥ al-Kāzī*, al-Daqā’iq, Beirut, 1313H, hlm. 179.
10. *Al-Mā’idah*: 33.
11. Lihat al-Naysābūrī, *op. cit.*, hlm. 102.
12. Abū Yūsuf, *Kitāb al-Kharāj*, al-Matba‘ah al-Salafiyyah, Beirut, 1933, cet. ke-2, hlm. 157.
13. Lihat Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Dār al-Kitāb al-‘Arabī, Beirut, 1971, jil. 3, hlm. 465.
14. Lihat Ahmad Fathī Bahnasi, *al-Siyāsah al-Jinā‘iyah fī al-Syārī‘ah al-Islāmiyyah*, Qāhirah, 1965, hlm. 143.
15. Abū Yūsuf, *op.cit.*, hlm. 150.
16. *Ibid*.
17. Lihat ‘Abd al-‘Azīz Amīr, *op. cit*, hlm. 309; Lihat juga al-Māwardī dalam *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, Matba‘ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, Qāhirah, 1973, hlm. 226 yang mengatakan tempoh hukuman penjara atas kesalahan ta‘zīr adalah berbeza mengikut kesalahan yang dilakukan.

18. Lihat *ibid*, hlm. 226.
19. *Ibid*, hlm. 268; hukuman ini menurut Abū Ḥanīfah boleh dijatuhkan ke atas pesalah jenayah liwat dan Ibn Ḥanbal pula menyamakan juga bagi kesalahan melakukan perbuatan melampau; yakni sehingga benar-benar bertaubat atau mati dalam penjara, termasuk juga pesalah kes mencuri kali ketiga, atau perbuatan tukang sihir yang mempermain-mainkan agama Islam. Lihat *ibid*, hlm. 312-317.
20. Lihat ulasan ‘Abd al-‘Azīz, *op.cit.*, hlm. 311.
21. Sayyid Sābiq, *op.cit.*, hlm. 405.
22. Lihat Ibn Fahr, *Tabsirah al-Hukm*, Beirut, 1301H, hlm. 225-227.
23. Al-Māwardī, *op.cit.*, hlm. 223.
24. Peminum arak pada bulan Ramadān dengan pilihan sendiri tanpa paksaan akan dikenakan hukuman hudud dengan 80 kali rotan dan ditahan di penjara, lihat ‘Abd al-‘Azīz, *op.cit.*, hlm. 307.
25. *Ibid*, hlm. 312.
26. Lihat Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa Sharḥ al-Kabīr*, Beirut, 1967, hlm. 27.
27. Lihat *Ibid*, hlm. 313-314.
28. Abū Yūsuf, *op.cit.*, hlm. 149.
29. Lihat, *Tabyīn al-Haqā’iq*, hlm. 182.
30. Ahmad Fathī Bahnāsī, *op.cit.*, hlm. 146.
31. ‘Abd al-‘Azīz, *op.cit.*, hlm. 321.
32. Lihat penjelasan Ibn ‘Ābidīn, *Hāsyiah Ibn ‘Ābidīn*, Qāhirah, 1966, hlm. 65.
33. Lihat ‘Abd al-‘Azīz Amīr, *op.cit.*, hlm. 305.
34. Pendapat ini tidak disokong oleh jaluran *madhhab* lain.
35. Tempat tahanan khusus bagi pesalah golongan buruh.
36. Dikatakan penjara tertua di Malaysia yang masih wujud. Lihat Major J.F.A. Mc. Nair, *Prisoners, Their Own Worder*, Westminster Archibald Constable and Co. Whitehall, t.t. hlm. 30.
37. Lihat *Laporan Tahunan 1996 Jabatan Penjara Malaysia*, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang, Selangor, hlm. 6.
38. Lihat PPP Mohd Redzuan Hj. Aslie, et. al., *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan dan Cabaran*, Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1984, hlm. 105.
39. Lihat *Sejarah Penubuhan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Persekutuan*, Arkib Negara Malaysia, 1988, hlm. 34.

40. Konsep awal penjara dilihat sebagai tempat seksaan dan kekerasan menyebabkan kehidupan tahanan bertambah berat dan rumit. Lihat ulasan Amin Jaromi, "Untuk Apa Penjara Diadakan," *Dewan Masyarakat*, Jld., 9, bil. 12, Disember, 1971.
41. Lihat *Piagam Institusi Penjara*, Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
42. *Peraturan Penjara 1953*, Bab 65, Peraturan 35 (2).
43. *Peraturan Penjara 1953*, Bab 10, Peraturan 89 (2).
44. *Peraturan Penjara 1953*, Bab 5, Peraturan 37.
45. Lihat *Ibid*, Bab 5, Peraturan 38 (2); Bab 10, Peraturan 89 (2); Bab 5, Peraturan, 39 (1).
46. Lihat *Ibid*, Bab 5, Peraturan 39 (2), 39 (5), 39 (3), 42 (3); Bab 10, Peraturan 89 (2).
47. *Ibid*, Bab 5, Peraturan 40 (1).
48. Sehingga kes seseorang tertuduh adalah *prime facie* dan dibicarakan.
49. Lihat *Ibid*, Peraturan 18, Peraturan 180, 178, 181, 181 (1) (2), 183, 184, 186, 187 (1) (2); Bab 12, Peraturan 120.
50. Peruntukan makan sehari berjumlah RM 3.77 bagi setiap orang.
51. Lihat Tappan, Paul W., *Crime, Justice and Correction*, McGraw-Hill Books Company in New York, Toronto, London, 1960, hlm. 527.
52. *Ibid*, hlm. 59.
53. *Ibid*, hlm. 60.
54. *Ibid*, hlm. 61.
55. *Ibid*, hlm. 62.
56. Seperti sering dilaporkan oleh media tempatan dan pendedahan dalam kes perbicaraan di mahkamah.

## **LAMPIRAN A**

### **KESALAHAN TATATERTIB BANDUAN DAN HUKUMAN**

Berdasarkan peruntukan dalam Peraturan Penjara 1953 No. 42, Bahagian 120, sebanyak 48 perkara:

1. Berbual-bual semasa bekerja atau bercakap-cakap kuat, ketawa atau menyanyi pada bila-bila masa setelah disuruh berhenti oleh pegawai.
2. Berkelahi dengan banduan lain.
3. Menyembunyikan apa-apa barang kepunyaan orang lain atau harta penjara.
4. Berkelakuan biadap kepada pegawai penjara atau pekerja penjara atau orang yang datang melawat.
5. Memukul atau sama-sama memukul banduan lain.
6. Berbohong bila menjawab apa-apa soalan daripada pihak penjara atau pekerja penjara atau orang yang datang melawat.
7. Membuat perhubungan (melalui surat, percakapan atau apa-apa cara) dengan orang lain dengan tujuan melanggar peraturan ini atau perintah tetap penjara.
8. Bersubahat dengan banduan lain melakukan mana-mana kesalahan penjara yang kecil.
9. Tidak menolong menjaga tatatertib iaitu tidak mengadu apa-apa kesalahan penjara atau tidak memberi pertolongan kepada pegawai penjara apabila diminta.
10. Melakukan apa-apa perbuatan atau dengan menggunakan apa-apa perkataan yang boleh menyakitkan hati banduan lain.
11. Melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mengejutkan mana-mana banduan, pegawai atau pekerja-pekerja penjara.
12. Meninggalkan kumpulan yang telah ditempatkan dengan tiada kebenaran daripada pegawai penjara atau meninggalkan bilik kurungan dengan tidak ada kebenaran daripada pegawai penjara.
13. Meninggalkan wad penjara, tempat kerja, tempat berbaris, tempat duduk atau bilik yang diintukkan kepadanya tanpa kebenaran pegawai penjara.
14. Merayau-rayau di tempat kerja atau di dalam wad apabila tempat tersebut terbuka.
15. Tidak berjalan dalam barisan dalam kawasan penjara atau pada masa pergi dan balik kerja.
16. Pergi ke tandas tanpa kebenaran pegawai penjara atau menunggu di situ terlalu lama dengan tempoh yang tidak berpatutan.

17. Tidak mahu makan makanan yang telah disediakan mengikut sukatan dan timbangan makanan penjara.
18. Memakan makanan yang bukan untuknya atau mengambil makanan banduan lain.
19. Mengambil makanan dari dapur penjara atau tempat simpanan makanan tanpa kebenaran atau membantah perintah pembahagian makanan dan minuman.
20. Sengaja merosakkan atau membuang makanan dengan tidak mendapat perintah.
21. Sengaja mencampur makanan atau minuman dengan apa-apa campuran yang tidak sesuai.
22. Tidak memakai atau tidak mahu memakai pakaian yang diberikan kepadanya atau menukar pakaian dengan banduan lain, menghilangkan, mengubah atau merosakkan pakaian tersebut.
23. Membuang, mengotor atau mengubah apa-apa nombor, tanda atau lencana yang diletakkan atau dipakai pada pakaian atau badan.
24. Tidak membersih atau enggan membersihkan diri atau tidak mengikut perintah menggunting rambut.
25. Tidak membersih atau enggan membersihkan pakaian, cedar atau bekas-bekas makanan sendiri.
26. Mengusik dengan apa-apa cara mana-mana peralatan atau barang penjara yang tidak berkaitan dengan diri mereka.
27. Mencuri pakaian penjara atau sebarang pakaian penjara kepunyaan banduan lain.
28. Membuat kacau di mana-mana bahagian penjara.
29. Berludah pada lantai, pintu, dinding atau lain-lain bahagian penjara atau mengotorkan penjara dengan apa-apa cara.
30. Sengaja memburukkan pergi, tandas, tempat membasuh atau bilik mandi.
31. Merosakkan pokok atau tanaman di kawasan penjara.
32. Tidak mahu menjaga dengan baik barang-barang penjara yang diserahkan kepadanya.
33. Tidak menjaga atau tidak mahu menjaga dengan baik barang-barang peralatan yang diserahkan kepadanya untuk bekerja atau memakai serta merosakkan peralatan tersebut.
34. Tidak mengadu dengan serta-merta barang-barang atau peralatan penjara yang dihilangkan, rosak atau pecah.
35. Membuat apa-apa peralatan yang tidak diketahui oleh pihak penjara atau tanpa izinnya.
36. Melakukan tugas banduan lain atau membuat kerja-kerja dengan bantuan banduan lain.

37. Mengaku sesuatu tugasan yang dilakukan oleh banduan lain.
38. Memaki atau mengumpat dengan menggunakan perkataan lucah, keras, mengertak atau mencerca pegawai penjara.
39. Menyebabkan orang yang melakukan perbuatan kekerasan atau perbuatan membantah hukuman atau tidak menolong diberhentikan perbuatan itu.
40. Berkelakuan cemar, tidak senonoh atau biadab.
41. Tidak menolong atau tidak mahu menolong mana-mana pegawai penjara jika ada seseorang banduan yang cuba hendak melepaskan diri atau menyerang pegawai atau banduan lain.
42. Membantah perintah pegawai penjara atau lain-lain pekerja penjara.
43. Tidak mahu membuat kerja atau cuai membuat kerja yang diserahkan kepada danya.
44. Mencacatkan atau merosakkan dinding penjara, perkakas penjara atau lain-lain harta penjara.
45. Suka membuang masa.
46. Enggan berubat.
47. Melakukan apa-apa perbuatan yang boleh membangkitkan kacau bilau selain yang dinyatakan di atas.
48. Cuba melakukan salah satu dari kesalahan di atas.

### ***KESALAHAN BESAR BANDUAN***

Berdasarkan Peraturan Penjara 1953, Bahagian 121:

1. Menderhaka atau menghasut supaya menderhaka.
2. Lari melepaskan diri atau cuba melepaskan diri.
3. Turut sama memukul atau menyerang pegawai penjara.
4. Bertalu-talu memukul banduan lain.
5. Menjahanamkan harta benda penjara dengan sengaja.
6. Sengaja menyakiti diri sendiri atau mencederakan diri sendiri sehingga tidak berdaya upaya.
7. Dengan sengaja membuat tuduhan atau aduan palsu atau tidak berasas ke atas pegawai penjara atau lain-lain pekerja penjara.
8. Berulang-ulang melakukan kesalahan kecil setelah dua kali dikenakan hukuman bagi kesalahan yang sama.
9. Melakukan apa-apa perbuatan yang tidak senonoh atau perbuatan membantah.
10. Bersubahat melakukan kesalahan penjara yang besar.
11. Memaki pegawai penjara atau lain-lain pekerja penjara atau mengata dengan perkataan yang tidak sesuai.

12. Ketika diseksa atau hendak diseksa dengan sengaja membuat kacau sehingga terganggu ketenteraman awam.
13. Cuba melakukan salah satu dari kesalahan yang tersebut di atas.

Mana-mana banduan yang melanggar peraturan akan dibicarakan dan dihukum oleh ketua penjara atau pegawai kanan sepetimana peruntukan dalam Seksyen 55(1)(2), Seksyen 56 dan Seksyen 57(1)(2) Ordinan Penjara 1952, iaitu:

- a. Banduan itu diasingkan dan dikenakan catuan pemakanan dari diet biasa.
- b. Menunda tarikh pembebasan atau diturunkan *stage* tahanan atau dilucutkan keistimewaan atau dilucutkan permohonan kenaikan *stage* atau upah dari skim pendapatan diturunkan.
- c. Dikenakan hukuman rotan seperti diperuntukkan.

**LAMPIRAN B**

**MENU SAJIAN DALAM PENJARA**

HARI	PAGI	TENGAH HARI	PETANG
AHAD	teh, roti, marjerin	nasi, sayur, ikan goreng dan buah	nasi, sayur, ikan goreng, teh, roti, kaya
ISNIN	kopi, roti,marjerin	nasi, sayur, sup ayam dan buah	nasi, sayur, kari ayam, teh o, roti, kaya
SELASA	kopi, roti, marjerin	nasi, sayur, ikan masin dan buah	nasi, ikan masin, asam pedas, sayur, teh o, roti, kaya
RABU	teh, roti marjerin	nasi, ikan goreng berkuah, sup, sayur dan buah	nasi, ikan dalam sos hitam, sayur, teh o, roti, kaya
KHAMIS	kopi, roti, marjerin	nasi, ikan masin, sup, sayur dan buah	nasi, sayur, teh o, roti, kaya
JUMAAT	teh, roti, marjerin	nasi, ikan goreng, kuah dal, sayur dan buah	nasi, ikan goreng, kuah asam pedas, sayur, teh o, roti,
SABTU	kopi, roti, marjerin	nasi, sup ayam, sayur dan buah	nasi, kari ayam,sayur, teh o, roti, kaya

NOTA: Peruntukan RM 3.77 seorang sehari.